



ROSMIATI BINTI AHMAD (JTM-HQ) <rosmiati@mohr.gov.my>

HEBAHAN GOTONG-ROYONG DI IBU PEJABAT JABATAN TENAGA MANUSIA

1 message

SYSTEMADMIN JTM (MOHR) <sysadmin.jtm@mohr.gov.my>
To: KSM-J JTM HQ <jtmgp@mohr.gov.my>

28 July 2022 at 08:30

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera

YBrs. Dr./Tuan/Puan,

HEBAHAN GOTONG-ROYONG DI IBU PEJABAT JABATAN TENAGA MANUSIA

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Ibu Pejabat Jabatan Tenaga Manusia (JTM) akan mengadakan aktiviti gotong-royong **setiap hari Jumaat** selama **30 minit** bagi mewujudkan suasana persekitaran yang kondusif dan selamat. Sehubungan itu, YBrs. Dr./Tuan/Puan, adalah dimohon untuk turut serta melaksanakan aktiviti gotong-royong EKSA bermula di Kubikel Kerja masing-masing dan seterusnya Zon EKSA masing-masing. Untuk makluman YBrs. Dr./Tuan/Puan juga **dipohon mengambil perhatian** serta mengambil Langkah Pencegahan Covid-19 di tempat kerja seperti sentiasa memakai Pelitup Muka, menggunakan *Hand Sanitisier dengan betul*, membasuh tangan dan mengamalkan penjarakan fizikal 1 meter.



3. Kerjasama dan sokongan YBrs. Dr./Tuan/Puan berhubung perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"Pekerja Tonggak Keluarga Malaysia Dalam Pemulihan Negara"

Saya yang menjalankan amanah,

JAWATANKUASA PROMOSI

Jabatan Tenaga Manusia (JTM)

Peringatan

Pengguna Perkhidmatan MyGovUC 2.0 adalah bertanggungjawab melindungi kerahsiaan data/maklumat Rahsia Rasmi Kerajaan. Adalah diingatkan agar pengguna sentiasa peka dengan SEMUA peraturan, arahan keselamatan dan pekeliling semasa yang berkuatkuasa bagi semua pengendalian data/maklumat Rahsia Rasmi Kerajaan yang berkaitan.